



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**  
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

**SIARAN MEDIA**

**KONVOKESYEN KOLEJ KOMUNITI NEGERI SELANGOR: 1,186 GRADUAN DIRAI,  
USAHAWAN MUDA DISEMARAKKAN**

**BANGI, 26 OGOS 2025** - Seramai 1,186 graduan daripada 10 Kolej Komuniti Negeri Selangor dan 1 Kolej Komuniti Cawangan Sepang telah diraikan dalam Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti Negeri Selangor 2025 yang berlangsung penuh gilang-gemilang di Bangi Avenue Convention Centre (BACC), Bangi, Selangor.

Majlis Sidang Pertama pada sebelah pagi telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (KPPK), manakala Sidang Kedua pada sebelah petang pula disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ar. IDr. Zulkhairi bin Md Zain, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM).

Dalam ucapan perasmian KPPK, beliau berkata, "Tahun 2024 telah mencatatkan statistik kebolehpasaran graduan sebanyak 98.8%. Data tersebut adalah sangat membanggakan dan sehingga kini hampir 20,000 buah industri telah berkolaborasi dengan POLYCC melibatkan pelbagai aktiviti kolaborasi berimpak tinggi antaranya pelaksanaan Work Based Learning, Latihan Industri Berstruktur serta Penajaan Pensijilan Profesional/ Kompetensi dan sebagainya."

Turut disampaikan empat anugerah utama dalam majlis ini yang mengiktirafkan kecemerlangan Kolej Komuniti khususnya di Selangor. Amierah Ad-Darayaaani binti Abdul Rahman, graduan Sijil Rekabentuk Dalaman, Kolej Komuniti Shah Alam telah dinobatkan Anugerah Ketua Pengarah (AKP) dan Anugerah Pelajar Cemerlang dengan pencapaian HPNM 4.00. Amierah aktif dalam kepimpinan mahasiswa sebagai Yang Dipertua Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) di kolej dan peringkat negeri serta telah mengharumkan nama POLYCC di peringkat kebangsaan menerusi Tilawah Al-Quran POLYCC 2023 dan pengiktirafan antarabangsa sebagai Awardee of Most Popular Design dan Best Retail Design dalam pertandingan YIIDEC 2024.

Anugerah Usahawan Kolej Komuniti (AUKK) dianugerahkan kepada Noor Azree Aiman bin Noor Azrin, graduan Diploma in Mobile Technology dari Kolej Komuniti Ampang. Azree kini merupakan Ketua Eksekutif ASZR Legacy, berjaya membangunkan perniagaan dengan pendapatan lima angka pada usia muda, serta telah membuka dua cawangan perniagaan. Justeru, sebagai tanda sokongan Azree kepada Pertubuhan Muafakat JPPKK, sumbangan sebanyak RM1,000 telah diserahkan kepada KPPK semasa sidang berlangsung dengan penyerahan simbolik cek replika.

Anugerah Kepimpinan Kolej Komuniti Negeri Selangor 2025 disampaikan kepada Haris Ikhwan bin Ahmed Farikh, graduan Sijil Rekabentuk Pembuatan Perabot dari Kolej Komuniti Kuala Langat. Haris menyerlah dalam bidang kepimpinan dan pembangunan komuniti, antaranya sebagai wakil Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) Sabah, Ejen Perpaduan Kementerian Perpaduan Negara, serta mengungguli johan dalam Kejohanan Petanque Triple Terbuka PETQUL Merdeka 2023.

Anugerah Usahawan Harapan Kolej Komuniti Negeri Selangor pula disandang oleh Nur Aleeya Natasha binti Nasarudin, graduan Sijil Pastri Kolej Komuniti Selayang, yang turut menerima Anugerah Pelajar Cemerlang sebagai pengiktirafan atas potensi besarnya dalam bidang keusahawanan muda.

Selain itu, seramai 21 penerima Anugerah Pelajar Cemerlang daripada kolej komuniti seluruh Negeri Selangor turut diraikan. Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti Negeri Selangor 2025 pada kali ini menjadi wadah meraikan pencapaian akademik, malah turut memperlihatkan komitmen kolej komuniti dalam melahirkan graduan berkemahiran tinggi, berdaya saing serta berjiwa keusahawanan, selari dengan aspirasi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara.

Kolej Komuniti Negeri Selangor terdiri daripada rangkaian 10 kolej induk dan sebuah kolej cawangan di bawah seliaan JPPKK, Kementerian Pendidikan Tinggi. Institusi ini berperanan menyediakan akses pendidikan dan latihan teknikal kepada masyarakat setempat, di samping menyokong pembangunan komuniti dan memperkasa ekonomi tempatan melalui pembelajaran sepanjang hayat.

**-TAMAT-**

**JAWATANKUASA PUBLISITI DAN MEDIA**

**MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ KOMUNITI NEGERI SELANGOR 2025**

**013-5227517**

**26 OGOS 2025**